

Parlimen: Lebih 200,000 Bekas Tentera Tidak Menerima Pencen - Ahmad Zahid Bernama
26 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Seramai 202,675 bekas tentera di seluruh negara tidak mendapat pencen kerana mereka menamatkan perkhidmatan lebih awal daripada yang ditetapkan, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata sungguhpun begitu, kebajikan mereka tetap diberi perhatian oleh kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat).

JHEV dan Perhebat menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada veteran tentera yang bersara kurang daripada 21 tahun perkhidmatan untuk meringankan kos sara hidup mereka seperti skim bantuan kebajikan dan pendidikan serta bantuan sara hidup, katanya menjadao soalan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani), di sini.

"Justeru kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan kupon makanan bulanan kepada bekas tentera yang tidak mendapat pencen kerana apa yang kita berikan ini jauh lebih baik kerana ia merupakan bantuan yang bersifat jangka panjang daripada pemberian kupon makanan yang bersifat sementara," katanya.

Ahmad Zahid berkata bantuan yang diberi kerajaan kepada pesara tentera di negara ini juga jauh lebih baik jika dibanding dengan beberapa negara lain.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675846>